

BAB 1

BAB I

PENDAHULUAN

A. Latar Belakang Masalah

Kemasyhuran Kelantan sebagai 'Negeri Serambi Mekah' berkait rapat dengan pendidikan Islam. Ini kerana negeri Kelantan sebagai pusat pertumbuhan sekolah pondok lebih daripada negeri-negeri lain di Malaysia.

Institusi pondok merupakan institusi yang paling istimewa kedudukannya dalam masyarakat Melayu tradisional, terutama sekali masyarakat Kelantan. Pertumbuhannya berhubung rapat dengan kemunculan tokoh-tokoh ulama' dan cendikiawan yang berwibawa. Pada penghujung abad ke 19 dan awal abad ke 20 Masehi terdapat puluhan ulama' yang termasyhur di Kelantan.

Di antara mereka ialah *Tok Selehong* atau *Tok Selehor* yang hidup antara tahun 1868-1935 Masehi. Beliau seorang ulama' yang termasyhur, berasal dari jajahan Tumpat dan membuka kelas pengajiannya di sana, di Kampung Selehor. Nama penuhnya ialah Haji Abdul Rahman bin Haji Othman bin Senik. Pelajar-pelajarnya datang dari Pattani, Kemboja, Palembang, Jawa, Siak dan seluruh

BAB I

PENDAHULUAN

A. Latar Belakang Masalah

Kemasyhuran Kelantan sebagai 'Negeri Serambi Mekah' berkait rapat dengan pendidikan Islam. Ini kerana negeri Kelantan sebagai pusat pertumbuhan sekolah pondok lebih daripada negeri-negeri lain di Malaysia.

Institusi pondok merupakan institusi yang paling istimewa kedudukannya dalam masyarakat Melayu tradisional, terutama sekali masyarakat Kelantan. Pertumbuhannya berhubung rapat dengan kemunculan tokoh-tokoh ulama' dan cendikiawan yang berwibawa. Pada penghujung abad ke 19 dan awal abad ke 20 Masehi terdapat puluhan ulama' yang termasyhur di Kelantan.

Di antara mereka ialah *Tok Selehong* atau *Tok Seleh* yang hidup antara tahun 1868-1935 Masehi. Beliau seorang ulama' yang termasyhur, berasal dari jajahan Tumpat dan membuka kelas pengajiannya di sana, di Kampung Seleh. Nama penuhnya ialah Haji Abdul Rahman bin Haji Othman bin Senik. Pelajar-pelajarnya datang dari Pattani, Kemboja, Palembang, Jawa, Siak dan seluruh

Tanah Melayu. Beliau mempunyai kebolehan dalam pelbagai bidang ilmu pengetahuan tetapi yang sangat diminatinya ialah bidang Tasawwuf.

Tokoh ulama' yang berikutnya ialah Tok Kenali (1868-1933 Masehi). Nama sebenarnya ialah Muhammad Yusuf bin Ahmad. Beliau dilahirkan di Kampung Kenali pada tahun 1868 Masehi.

Tok Kenali salah seorang ulama' yang terkenal bukan sahaja di Kelantan malah terkenal sebagai ulama' yang tidak hanya aktif dalam kegiatan di sekitar surau dan pondok sahaja malah beliau terlibat dalam kegiatan kemasyarakatan dan pentadbiran negeri. Beliau merupakan salah seorang penasihat kepada penubuhan Majlis Agama Islam Kelantan yang ditubuhkan pada tahun 1915. Tok Kenali lebih terkenal dalam bidang siasah dan kemasyarakatan. Sekembalinya dari Mekah pada tahun 1908, beliau membuka sekolah pondok untuk menyebarkan ilmu kepada seluruh masyarakat. Pondok itu dikenali sebagai Pondok Kenali yang terletak di Kota Bharu.²

1. Ismail Che' Daud, (Ed), *Tokoh-Tokoh Ulama' Semenanjung Melayu*, Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, Kota Bharu, 1992, hlm. 233.

2. *Ibid*, hlm. 191.

Antara jawatan-jawatan yang pernah dipegangnya ialah anggota Majlis Agama Islam, anggota Jemaah Ulama' Kelantan, Ketua Pengarang Pertama Majalah Pengasuh dan Ketua Pelajaran Agama dalam Majlis Agama Islam Kelantan. Beliau meninggal pada 19 November 1933.

Tok Kemuning atau Haji Ismail bin Haji Senik, salah seorang daripada ulama' yang terkenal di Kelantan. Beliau dilahirkan di Jalan Tanah Merah, Jajahan Machang pada tahun 1885 Masehi.

Bidang keilmuan beliau adalah bidang Usuluddin dan al-Qur'an. Haji Ismail atau Tok Kemuning meninggal dunia pada akhir tahun 1934 Masehi.

Tok Khurasan (1875-1944) atau Abu Abdullah Syed Hassan bin Nur Hassan salah seorang ulama' Kelantan yang terkenal. Beliau adalah seorang perantau. Beliau berasal dari Khurasan. Beliau di lahirkan pada tahun 1875 Masehi.

Beliau berhijrah ke negeri Kelantan kerana tujuan berdagang dan menyebarkan ilmu Islam.

Bidang pengajarannya ialah kitab-kitab Hadith Sunan terdiri daripada Sahih Bukhari, Sahih Muslim,

Sunan Abu Daud, Sunan al-Tarmizi, Sunan Ibnu Majah dan Sunan al-Nasai. Bagi mereka yang baru belajar, beliau memperkenalkan kitab *Mishkat al-Masabih*. Kemahirannya bukan setakat mensyarah Hadith dan pengertian Matannya sahaja, malah dapat menghuraikan kaedah mengenal sanad untuk mengetahui sahih atau setidak-tidaknya satu-satu Hadith. Walaubagaimanapun, orang-orang yang fasih berbahasa Arab dan Urdu sahaja yang sering menghadiri kuliah beliau.

Di antara bekas-bekas pelajarnya yang masih hidup ialah Dato'Haji Yusoff Zaky bin Haji Yaacob dari Paya Purnama, Tuan Guru Haji Nik Abdul Aziz bin Nik Mat, Pulau Melaka dan Tuan Haji Yaakub bin Haji Hassan bekas pegawai di Majlis Agama Islam Kelantan.

Beliau meninggal dunia pada 4 September 1944. Inilah di antara beberapa orang tokoh ulama' yang berperanan dalam menyebarkan ilmu Islam di sekitar tahun 1940an di negeri Kelantan.

B. Pengertian Judul Dan Perumusan Masalah

Judul tesis ini ialah peranan ulama' dalam bidang pendidikan Islam di negeri Kelantan suatu kajian khusus di antara tahun 1940 hingga 1990.

Penulis merasakan perlu diterangkan perkataan *ulama'* dan *pendidikan*. Pada pandangan Islam, golongan *ulama'* mempunyai kedudukan dan darjat yang amat tinggi. Mereka merupakan golongan yang paling hampir dengan Allah. Para *ulama'* menerima tanggungjawab untuk memikul amanah Allah dari RasulNya iaitu menyebarkan dakwah Islamiah menerusi ilmunya kerana para *ulama'* adalah pewaris rasul. Sabda Rasulullah s.a.w.:

الْعُلَمَاءُ وَرِثَةُ الْأَنْبِيَاءِ

Maksudnya:

"Para *ulama'* adalah pewaris nabi-nabi".

(Riwayat : Bukhari)

Tanpa *ulama'* manusia menjadi jahil, mereka hidup meraba-raba untuk mencari pedoman ibarat si buta kehilangan tongkat. Oleh sebab itu, *ulama'* adalah sebagai rahmat yang dikurniakan oleh Allah kepada penghuni bumi ini. *Ulama'* menjadi lampu yang bersinar sebagai pembimbing manusia dari kesesatan kepada petunjuk Allah, mereka diumpamakan laksana bintang-bintang di langit yang menjadi pedoman dalam kegelapan hidup di darat dan di laut. Sabda Rasulullah s.a.w.:

-
3. Prof. Madya Dr. Abdul Halim El-Muhammady, *Pendidikan Islam Falsafah, Disiplin dan Peranan Pendidik*, Dewan Pustaka Islam, Petaling Jaya, Selangor, 1991, hlm. 63.
 4. Sheikh Abdul Aziz Al-Badri, *Islam Di antara Ulama' dan Pemerintah*, diterjemahkan oleh Haji Muhammad Tahir Daeng Mengati, Pustaka Aman Press Sdn Bhd, Kota Bharu, Kelantan, 1988, hlm. 53.

إِنَّ مَثَلَ الْعُلَمَاءِ فِي الْأَرْضِ كَمَثَلِ النُّجُومِ فِي السَّمَاءِ
يَهْتَدِي بِهَا فِي ظُلُمَاتِ الْبَرِّ وَالْبَحْرِ فَإِذَا طَمِسَتْ النُّجُومُ
أَوْشَكَ أَنْ تَضِلَّ الْهَدَاةُ (رواه احمد)

Maksudnya:

"Sesungguhnya perumpamaan ulama' di muka bumi laksana bintang di langit yang menjadi pedoman di dalam kegelapan di darat dan di laut. Maka apabila bintang telah gelap hampirlah juru petunjuk itu sesat".

(Riwayat : Ahmad bin Hanbal)

Penghormatan yang diberi oleh Allah terhadap ulama' begitu tinggi kerana tugas mereka begitu berat untuk memimpin manusia kepada kehidupan Islam. Tugas ini kadang-kadang terpaksa menghadapi kesusahan dan penderitaan.

1. Pengertian Ulama'

Perkataan ulama' dalam penggunaan Bahasa Arab bermaksud ahli ilmu dan mengikut penggunaan istilah ia merujuk kepada orang yang ahli dalam bidang ilmu syariat dan yang berkaitan dengan ilmu-ilmu yang asas seperti Tafsir, Hadith, Fekah dan sebagainya ⁵ atau orang yang pakar dalam satu-satu bidang ilmu pengetahuan. ⁶

5. al-Munjid, Dar al-Syarq, T. Tarikh, hlm. 527.

6. Maan z. Madina, *Arabic-English Dictionary of The Modern Literary Language*, Pocket Books, New York, 1973, hlm. 451.

Menurut Kamus Dewan, ulama' ialah orang yang ahli (pakar) dalam pengetahuan agama Islam.⁷

Menurut Ahmad Sonhadji Muhammad, alim ulama' itu ialah orang alim yang mengetahui tentang Tuhan yang pengasih kepada hambaNya, orang yang tidak menyengutkan Tuhan dengan sesuatu, orang yang menghalalkan apa yang diharamkan Allah dan mengharamkan apa yang diharamkan Allah, memelihara persaudaraannya dan dia yakin bakal menemui Allah yang mengira amalannya.⁸

Prof. Dr. Harun Din menyatakan alim ulama' ialah golongan yang pakar dalam ilmu keagamaan yang takut kepada Allah dan sentiasa memberi peringatan kepada kaumnya.⁹

Ibn Manzur di dalam kitab 'Lisan al-'Arab' menghuraikan bahawa akar umbi perkataan ulama' ialah berasal dari kata 'alima' yang bererti mengetahui.

-
7. Kamus Dewan Bahasa, Edisi Baru, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia, Kuala Lumpur, 1989, hlm. 1427.
 8. Ahmad Sonhadji Mohammad, *Pembangunan Kembali Kewibawaan Ulama'*, Muzakarah Ulama' Asia Tenggara, 24-26 November 1983, Kuala Lumpur, hlm. 3.
 9. Prof. Dr. Harun bin Din, Forum Ehwat Islam Anjuran Bahagian Hal Ehwat Islam Jabatan Perdana Menteri dan Radio & Televisyen Malaysia pada 20hb. Oktober, 1994 jam 9 malam.

Sifat yang wajib bagi Allah. Di dalam al-Qur'an terdapat perkataan al-'ilm, al-'alim, al-'allam yang menggambarkan sifat Allah yang maha mengetahui tentang segala sesuatu, samada secara yang nyata atau tersembunyi, yang sedia ada atau yang belum wujud, mengetahui segala yang ada di langit dan di bumi. Ibn Manzur menghuraikan bahawa Allah menjelaskan di antara hamba-hambanya yang takut kepada Allah ialah golongan ulama'. Ibn Manzur juga memetik pandangan Ibn Mas'ud iaitu tidaklah dianggap berilmu seseorang itu kerana banyaknya menghafal hadith tetapi seseorang itu dianggap berilmu apabila ia takut kepada Allah. Pendapat ini dipersetujui oleh al-Azhari berdasarkan kepada Firman Allah S.W.T.

إِنَّمَا يَخْشَى اللَّهَ مِنْ عِبَادِهِ الْعُلَمَاءُ

Maksudnya:

"Sesungguhnya hambaNya yang takut kepada Allah adalah terdiri daripada para ulama'.

(al-Fatir : ayat 28)

Manakala Ibn 'Uyainah menjelaskan orang alim ialah orang yang beramal dengan ilmunya.¹⁰

10. Abū al-Faḍl Jamaluddin Muhammad bin mukram Ibn Manzūr al-Afriqiy al-Misriy, Lisān al-'Arab, jilid 12. Dar al-Fikr, Beirut, 1990, hlm 416.

Sebagai kesimpulan ulama' ialah golongan yang berilmu yang takut dan menghormati serta mengabdikan diri kepada Allah dengan penuh kesedaran ilmu. Mereka adalah pewaris kepada Rasulullah s.a.w. dan para nabi. Mereka diamanahkan untuk menyebarkan serta menyampaikan ilmu dan risalah Islam kepada masyarakat.

Di antara Ciri-Ciri Sebagai Ulama' ialah :

- a. Berilmu dan sentiasa cinta kepada ilmu
- b. Takut kepada Allah
- c. Amanah
- d. Perkataan dan amalannya sama
- e. Menjauhkan syubhah

- a. Berilmu dan sentiasa cinta kepada ilmu

Ulama' ialah golongan yang berilmu, ilmu yang diperolehi oleh ulama' adalah diturunkan oleh Allah S.W.T. Ilmu yang di perolehi oleh manusia ialah hasil daripada akal yang dibimbing oleh wahyu. Tanpa ilmu yang sempurna perjalanan kepada Allah tidak akan dapat dicapai. Dewasa ini ramai orang yang mengaku diri mereka sebagai golongan intelektual muslim yang cuba mereka-reka teori dalam Islam. Semata-mata berpandu kepada akal fikiran tanpa mempunyai ilmu wahyu yang

mendalam. Akhirnya buah fikiran itu disebarikan melalui media-media cetak kepada masyarakat dan menjadikan masyarakat mula keliru terhadap Islam. Misalnya masyarakat Islam mula berani mempertikaikan kesahihan hadith. Tidak kurang pula mereka yang menyalahkan Islam kerana kemunduran masyarakat. Mempertikaikan tentang persoalan undang-undang hudud dan qisas yang terdapat di dalam undang-undang jenayah Islam.

b. Takut Kepada Allah

Sifat Ulama' dalam erti takut kepada Allah ialah melaksanakan tanggungjawab sebagai muslim dan mukmin dengan penuh keyakinan dan tanggungjawab. Para ulama' ialah golongan yang memahami soal-soal ketuhanan dengan begitu mendalam firman Allah. S.W.T.

إِنَّمَا يَخْشَى اللَّهَ مِنْ عِبَادِهِ الْعُلَمَاءُ

Maksudnya:

"*Sesungguhnya hambaNya yang takut kepada Allah adalah terdiri daripada para ulama'.*"

(al-Fatir : ayat 28)¹²

11. 'Abd al-Qadir 'Audah, *Al-Islam Baina Jahl Abnāihi Wa 'Ajz Ulama'ihī*, Muassasah al-Risalah, Beirut, 1985, hlm. 45.

12. Al-Qur'an

Para ulama' bertanggungjawab membimbing manusia kepada kebenaran dan menyelamatkan mereka dari kesesatan.

c. Amanah

Sifat iman dan takut kepada Allah mendorong ulama' mempunyai sifat amanah, jujur, ikhlas terhadap dirinya serta ilmu yang diamanahkan kepadanya. Amanah adalah satu tanggungjawab yang memerlukan kerahan tenaga, jasmani dan akal. Para ulama' wajib menyampaikan ilmu kepada orang ramai dan wajib mempertahankan Islam daripada penyelewengan manusia yang tidak bertanggungjawab. Menjadi kesalahan besar sekiranya ulama' membiarkan ilmu di dadanya sahaja tanpa disebarikan kepada orang ramai.¹³

Firman Allah S.W. T.

وَإِذْ أَخَذَ اللَّهُ مِيثَاقَ الَّذِينَ أُوتُوا الْكِتَابَ لَتُبَيِّنُنَّهُ لِلنَّاسِ
وَلَا تَكْفُرُونَهُ، فَنبذوه ووراء ظهورهم وأشروا به، ثمنا

Maksudnya:

قَلِيلًا فَبَيْسَ مَا يَشْتَرُونَ ﴿١٨٧﴾

"Dan ingatlah ketika Allah mengambil janji daripada mereka yang diberikan kitab bahawa hendaklah kau menerangkannya kepada manusia dan jangan sekali-kali kamu menutupinya daripada mereka. Tetapi setelah itu mereka meninggalkannya di belakang mereka dan mereka membeli dengannya satu harga yang murah maka alangkah hinanya apa yang mereka beli itu".

(al-Imran : ayat 187)¹⁴

13. H.M. Yunan Nasution, *Tentang Masa Kini dan Peranan Ulama'*, Muzakarah Ulama' Asia Tenggara, Kuala Lumpur, 24 hingga 26 November 1983, hlm. 9.

14. Al-Qur'an.

d. Perkataan Dan Amalannya Sama

Setiap ulama' hendaklah menentukan tindak-tanduknya selaras dengan ilmu yang dimilikinya. Ulama' mestilah berani dan tegas dalam menghadapi cabaran-cabaran semasa di mana mereka tetap berada di barisan hadapan mempertahankan Islam ketika menghadapi musuh dari luar atau dari dalam.¹⁵

Dalam menghadapi penyelewengan zaman kini, pemerintah menolak secara langsung untuk menjadikan Islam sebagai aqidah dan syariat negara. Di sini peranan ulama' lebih besar kerana situasi yang menjadikan umat Islam amat berhajat kepada kepimpinan ulama' demi memelihara ilmu Islam dan membetulkan aqidah ummah dan amalannya dan juga bagi membetulkan matlamat dan perlaksanaannya.

Teguran dan nasihat biasanya pahit dan tidak menyenangkan orang yang terkena. Ulama' yang terpengaruh dengan keduniaan tidak akan memberi nasihat kepada golongan yang memiliki keduniaan. Ulama' seperti ini sentiasa bersikap serba boleh agar supaya sentiasa disukai oleh golongan tersebut.

15. Pihin Tuan Imam Datuk Paduka Setia Haji Yahya bin Haji Ibrahim, 'Tugas Ulama' Dalam Usaha Pembangunan Ummah', Muzakarah Ulama' Asia Tenggara, Kuala Lumpur, 24-26 November 1983, hlm. 11.

Akibat daripada ulama' yang bersikap membisu terhadap penyimpangan dalam masyarakat menyebabkan kemungkaran semakin bermaharajalela. Kezaliman berleluasa, sifat amanah sukar untuk dilakukan samada dari peringkat masyarakat bawahan hingga ke peringkat atasan.¹⁶

e. Menjauhkan Syubhah

Seseorang ulama' bukan sahaja tidak melakukan perkara-perkara yang haram tetapi juga menjauhkan perkara-perkara yang syubhah. (Syubhah ialah perkara-perkara yang kesamaran dan tidak jelas hukumnya samada halal atau haram). Mereka sentiasa menjaga makan minum, pekerjaan dan sumber pendapatan daripada perkara yang jelas haram hukumnya.¹⁷

Ulama' menjadi ~~conton~~ dan pimpinan kepada masyarakat. Seseorang ulama' hendaklah sedapat mungkin menjauhkan diri daripada perkara-perkara yang syubhah serta perkara yang boleh mendatangkan tuduhan dan sangkaan buruk daripada orang lain. Ini akan dapat memelihara agamanya dan kehormatan dirinya.

16. 'Abd al-Qadir 'Audah, *op. cit.*, hlm. 74

17. Mustaffa Abdul Rahman (Ed.), *Hadith Empat Puluh Susunan Imam Nawawi*, Maktabah Haji Abdullah bin Muhammad Nuruddin al-Rawi, Pulau Pinang, 1966, hlm. 171.

Para ulama' mempunyai sifat tidak terikat dengan mana-mana pihak. Bebas mengeluarkan pandangan, fatwa dan nasihat sehingga mereka sentiasa mendapat kepercayaan daripada setiap lapisan masyarakat.

Dalam tradisi Islam, perkataan-perkataan *tarbiah*, *ta'lim* dan *ta'dib* yang bererti pendidikan pembelajaran dan pembentukan budi pekerti telah digunakan sejak zaman awal lagi. Ketiga-tiga perkataan tersebut juga dirujuk kepada al-Qur'an dan al-Sunnah. Sekalipun setiap perkataan itu mempunyai pengertiannya yang tersendiri tetapi dalam konteks pendidikan di antara satu sama lain ada kaitannya. Di dalam al-Qur'an perkataan *tarbiah* ditujukan kepada manusia sebagaimana dalam Surah al-Isra': ayat 24:

وَأَخْفِضْ لَهُمَا جَنَاحَ الذَّلِيلِ مِنَ الرَّحْمَةِ وَقُلْ رَبِّ ارْحَمْهُمَا كَمَا رَبَّيَانِي
 هَيْبَةً

Maksudnya:

"Dan rendahkanlah dirimu terhadap mereka berdua dengan penuh kesayangan dan ucapkanlah: Wahai Tuhanku, cucurkan rahmat kepada mereka berdua sebagaimana mereka berdua mencurahkan kesayangannya, memelihara dan mendidik aku semasa aku kecil". 18

18. Ismail bin Abdul Rahman (Ed.) Pendidikan Islam Malaysia, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 1993, hlm. 22.

Sifat pendidikan Islam ditentukan oleh pandangan hidup Islam yang tertumpu kepada persoalan ketuhanan, alam dan manusia. Ruang lingkup pendidikan Islam merangkumi semua aspek termasuk aqidah, politik, ekonomi, falsafah, seni dan sebagainya. Oleh sebab itu, sifat pendidikan Islam merangkumi semua perkara tersebut.

2. Erti Pendidikan

Carter V. Good menjelaskan pendidikan bererti segala proses memajukan sikap serta nilai baik yang menjadi amalan dalam sesebuah masyarakat kepada setiap individu yang hidup dalam kelompok tersebut.¹⁹

Kumpulan penulis buku *The Foundation of Education* menyatakan, pendidikan ialah satu proses di mana manusia membimbing manusia lain untuk pembangunan diri.²⁰

Contohnya orang terpelajar mencadangkan pembentukan sebuah keluarga mesti mempunyai pembangunan

19. Cater V. Good, *Dictionary of Education*, MC. Graw, Hill Book Company, Inc, New York and London, 1945 hlm. 144.

20. W.F Counell, W.E.. Andersen, W.J. Campbell, R.L Debus, H. Hourie, A.G, Maclaine, T.W.G Miller, Marie D. Neale, D. Spearrit, D. J. A Verco, dan Joyce F. Wyle, *The Foundation of Education* Second Edition, Ian Novak, Sydney, 1976 hlm 148.

keharmonian daripada ciri-ciri yang diinginkan dalam diri mereka. Jadi alasan berkaitan pendidikan boleh dikaitkan dengan pembangunan ciri-ciri yang diinginkan dalam diri manusia.²¹

John Dewey menyatakan pendidikan adalah kaedah yang asas untuk memajukan dan membawa pembaharuan dalam sesebuah masyarakat.²²

Richard James menjelaskan 'Sekiranya awak berfikir setahun hadapan tanamlah benih, sekiranya awak berfikir sepuluh tahun hadapan tanamlah sebatang pokok dan sekiranya awak berfikir seratus tahun hadapan didiklah manusia'.²³

Menurut Drs. Sidi Gazalba, pendidikan adalah proses pembentukan keperibadian, laku perbuatan individu dan kebudayaan masyarakat.²⁴

-
21. P.H. Hirst and R.S. Peter, *The Logic Of Education*, Rowledge and Kegan Paul Ltd, Broad Way House, London, 1970, hlm 85.
 22. John Dewey, *Education Today*, Edited by Joseph Ratner, Green Wood Press publishers, New York, 1969, hlm. V.
 23. Richard James, *World Religions in Education Approches to Islam*, 50, Albermate Street, London, 1982, hlm. 127.
 24. Drs. Sidi Gazalba, *Pendidikan Umat Islam*, Djakarta, Tanpa Tarikh, hlm. 14.

Al-Maududi menyatakan apa yang dimaksudkan dengan pendidikan dan bagaimana sesebuah negara maju dan mundur kerananya, jawapan kepada persoalan ini terdapat pada rangkaian²⁵ perkataan-perkataan mendengar, melihat dan memahami. Dalam kitab suci al-Qur'an, perkataan ini tidak digunakan dengan maksud literal tetapi ia membawa pengertian yang lebih mendalam; melihat memberi maksud menambah pengetahuan melalui pengamatan seseorang (personal observation). Mendengar membawa maksud memperolehi ilmu pengetahuan moden atau lama dan memahami memberi maksud membuat kesimpulan berdasarkan kepada pancaindera-pancaindera yang telah disebutkan. Pendidikan ialah hasil tambah pengetahuan yang diperolehi.²⁵

Syed Muhammad al-Naquib al-Attas menjelaskan pendidikan merupakan suatu proses yang menyeluruh kerana ia melatih fakulti emosi, intelektual dan deria sekaligus.²⁶

Muhammad Qutb menjelaskan bahawa kurikulum pendidikan Islam merupakan kurikulum yang bersifat

25. Terjemahan Shadzli Abdul Wahab, *Abul A'ala al-Maududi Mengenai Pendidikan*, Islamic Publishsing House Kuala Lumpur, 1987, hlm. 12-13.

26. Syed Muhammad Naquib al-Attas *Tujuan dan Objektif Pendidikan Islam*, Terjemahan Samsudin Jaafar, Dewan Bahasa Dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia, Kuala Lumpur, 1992, hlm.XVII.

ketuhanan bagi menguatkan manusia menuju matlamat hidupnya dan juga sebagai petunjuk jalan serta neraca yang lurus bagi membimbing kehidupan manusia.²⁷

Menurut Profesor Dr. Hasan Langgulung, pendidikan dapat ditinjau dari dua segi iaitu dari sudut pandangan masyarakat dan pandangan individu. Dari segi pandangan masyarakat, pendidikan bererti perwarisan kebudayaan daripada generasi tua kepada generasi muda agar hidup masyarakat tetap berlanjutan. Atau dengan kata lain, masyarakat mempunyai nilai-nilai budaya yang ingin disalurkan daripada generasi kepada generasi agar identiti masyarakat tersebut tetap terpelihara. Dari sudut individu, pendidikan bererti pengembangan potensi potensi yang terpendam dan tersembunyi. Individu itu laksana lautan dalam yang penuh dengan mutiara dan bermacam-macam ikan. Manusia mempunyai berbagai-bagai bakat dan kemampuan. Kalau pandai kita mempergunakannya, ia boleh menjadi emas dan permata.²⁸ Daripada pandangan yang dibuat oleh beberapa orang cendekiawan mengenai erti pendidikan, dapatlah dibuat kesimpulan seperti yang berikut :-

27. Muhammad Qutb, *Maḥaj al-Tarbiyah al-Islāmiyyah*, al-Juz' al-Awwal, Dar al-Shurūq, Beirut, 1992, hlm. 5.

28. Prof. Dr. Hasan Langgulung, *Asas-Asas Pendidikan Islam*, Pustaka al-Husna, Jakarta, Indonesia, 1987, hlm. 3.

- 1) Pendidikan merupakan suatu proses yang dilalui oleh anak didik.
- 2) Proses itu adalah menuju kearah kesempurnaan.
- 3) Dalam proses itu, anak didik dibimbing oleh pembimbing secara sengaja atau sedar.
- 4) Pendidikan itu diarahkan untuk mencapai suatu tujuan iaitu membentuk keperibadian yang tertentu.
- 5) Tujuan pendidikan itu disesuaikan pula dengan dasar pendidikan suatu bangsa. Oleh sebab itu, maka tujuan pendidikan di antara bangsa-bangsa adalah berbeza-beza.
- 6) Dasar pendidikan pula disesuaikan dengan cita-cita dan falsafah hidup seseorang pendidik atau suatu bangsa. Kerana itu, maka dasar dan tujuan pendidikan suatu bangsa adalah bersumber kepada cita-cita dan falsafah hidupnya.²⁹

Sebagai kesimpulan, pendidikan Islam ialah suatu proses membentuk, melatih dan membimbing seluruh potensi yang ada pada manusia samada akal, jasmani dan rohani bersumberkan bimbingan ilahi untuk melahirkan insan soleh yang menjadi penguasa dan membangunkan dunia ini.

29. Abdul Halim Haji Mat Diah, *Islam dan Demokrasi*, Angkatan Belia Islam Malaysia, Kuala Lumpur, 1989, hlm. 42.

3. Dasar Pendidikan Islam.

Al-Qur'an dan al-Sunnah Rasulullah S.A.W. memberi penekanan kepada beberapa prinsip utama dalam mendidik manusia iaitu:-

- a) Pendidikan Tauhid
- b) Pendidikan Akal dan Ilmiah
- c) Pendidikan Akhlak
- d) Pendidikan Kesihatan.³⁰

a. Pendidikan Tauhid

Dasar utama pendidikan Islam ialah mengelakkan diri daripada syirik atau menyekutukan Allah S.W.T. Ini dapat difahami daripada ajaran Luqman kepada anaknya supaya jangan menyekutukan Allah sebagaimana Firman Allah:

وَلَا قَالِ لَقْمَنُ لِأَبْنِهِ، وَهُوَ يَعِظُهُ، يَنْبَغِي لِأَنْ تَشْرِكَ بِاللَّهِ إِنَّ الشِّرْكَ
لَظُلْمٌ عَظِيمٌ

Maksudnya:

"Dan ingatlah ketika Luqman berkata kepada anaknya dan dia mengajarnya "Wahai anakku! Janganlah engkau mempersekutukan Allah, sesungguhnya mempersekutukan Allah adalah kesalahan yang besar".

(Surah Luqman; ayat 13) ³¹

30. Ghazali Bin Basri, 'Konsep dan Pengertian Pendidikan Menurut Perspektif Islam' dalam *Jurnal Pendidikan Islam* Bil. 2, Angkatan Belia Islam Malaysia, Kuala Lumpur, 1983, hlm. 3.

31. Al-Qur'an

Dalam ilmu pendidikan, gejala syirik menjadi penghalang kepada proses pendidikan yang berlaku kerana syirik bertentangan dengan tauhid. Ia memutuskan manusia daripada terus berhubung dengan Tuhannya. Manusia disuruh membaca dengan nama Tuhannya sekaligus memberi erti bahawa manusia dikehendaki memberi pengakuan terhadap keesaan Allah serta mengakui kebesaran dan kekuasaanya.

b. Pendidikan Akal Dan Ilmiah

Akal merupakan satu daripada unsur yang penting dalam kejadian manusia kerana akal yang dapat membezakan di antara haiwan dan manusia. Begitu juga akal dapat mencapai sesuatu hakikat. Pendidikan akal dalam Islam bermula dengan menentukan fungsi akal agar ia tidak merenung jauh ke alam ghaib yang tidak tercapai oleh akal. Firman Allah S.W.T.

أَقْرَأْ بِاسْمِ رَبِّكَ الَّذِي خَلَقَ ① خَلَقَ الْإِنْسَانَ مِنْ عَلَقٍ ② أَقْرَأْ وَرَبُّكَ
الْأَكْرَمُ ③ الَّذِي عَلَّمَ بِالْقَلَمِ ④ عَلَّمَ الْإِنْسَانَ مَا لَمْ يَعْلَمْ ⑤

Maksudnya:

“Bacalah dengan (menyebut) nama Tuhanmu yang menciptakan. Dia telah menciptakan manusia daripada segumpal darah, bacalah dari Tuhanmulah yang paling pemurah, yang mengajar manusia dengan perantaraan Qalam. Dia mengajarkan kepada manusia apa yang tidak diketahuinya”.

(Surah al-‘Alaq ayat: 1-5)³²

Perkataan Iqra' bererti bacalah olehmu (wahai Muhammad) memberi pengertian bahawa salah satu daripada aspek pendidikan yang terpenting ialah mendidik akal. Pendidikan akal dalam ayat yang dijelaskan itu berlaku dalam keadaan di mana akal sentiasa menerima bimbingan Tuhan. Membaca dengan nama Tuhan yang dianjurkan itu akan membawa kesejahteraan kepada segala aktiviti akliah dan pemikiran manusia dalam usaha menjalani hidupnya di dunia. Akal merupakan unsur yang paling mulia dan berharga bagi manusia. Dengan adanya fakulti akal ini, proses pendidikan dapat berlaku dalam diri manusia.³³

Pendidikan Islam memberi penekanan kepada penyelidikan ilmiah. Ini sangat sesuai dengan keperluan manusia yang sifatnya sebagai khalifah Allah di muka bumi ini. Dengan kegiatan penyelidikan ini, ia dapat menguasai persekitaran alam ini serta dapat mengatur hidupnya dengan baik. Manusia dapat memahami dengan lebih mendalam tentang ayat-ayat Allah dengan kefahaman ini manusia menjadi lebih bertaqwa kepada Allah.³⁴

33. Muhammad Qutb, *op. cit.* hlm. 79

34. M.M.Sharif, *Islamic and Educational Studies*, Institute of Islamic Culture, Club Road, Lahore, 1964, hlm.27.

c. Pendidikan Akhlak

Pembangunan moral seseorang bukan sahaja ditekankan kepada individu sahaja, malahan ia sangat diperlukan untuk membangunkan masyarakat dan membentuk budaya hidup manusia yang tinggi dan harmoni. Kalau kita ingin membentuk sebuah masyarakat yang baik dan mulia, terlebih dahulu kita harus membentuk peribadi-peribadi yang baik dan terhormat.³⁵

Menurut Muhammad Atiah al-Abrashi pendidikan akhlak merupakan asas dalam pendidikan Islam, sebagaimana matlamat utama dalam pendidikan Islam ialah manusia membentuk akhlak dan mendidik jiwa setiap pelajaran yang diajar hendaklah menjurus kepada membina akhlak pelajar. Guru dan pendidik juga hendak mengutamakan pembinaan nilai-nilai akhlak Islam kepada pelajar sebelum pergi kepada aspek-aspek pendidikan yang lain.³⁶

Begitu juga pendidikan akhlak Islam memberi penekanan kepada membina sifat-sifat taat, sabar, pemaaf dan sifat-sifat mahmudah yang lain. Begitu juga

35. Dr. Muqdad Yaljan, *Peranan Pendidikan Akhlak Islam dalam Membangun Peribadi Masyarakat, dan Budaya Manusia*, alihbahasa Ys: Tajuddin Nur, Pustaka Antara, Kuala Lumpur, 1986, hlm. 23.

36. Muhammad 'Atiyyah al- Abrāshī, *Madhāhib wa Shakhṣiyyāt al- Tarbiyah al Islamiyyah*, al-Dar al- Qaumiyyah Li al-Ṭibā'ah Wa al- Nashr, Mesir, 1964. hlm. 9.

pokok pendidikan akhlak Islam menggariskan beberapa asasnya di antaranya:-

- a) Menyuruh berbuat baik dan mencegah daripada kemungkaran.
- b) Berlumba-lumba mengerjakan kebaikan.
- c) Nasihat-menasihati di atas kebenaran, kesabaran dan berkasih sayang.
- d) Melakukan kebaikan kepada yang lemah dan fakir.

d. Pendidikan Kesihatan.

Kata-kata *Hukama'* Islam yang bermaksud 'akal yang waras itu terletak pada tubuh badan yang sihat'. Ini bererti Islam tidak pernah mengabaikan dalam mendidik manusia untuk memberi perhatian kepada aspek kesihatan dan fizikal seperti pakaian, makanan, tempat tinggal dan sebagainya. Islam juga mempunyai konsep suci seperti konsep *taharah* dalam ilmu Fekah. Suci bererti bersih bukan sahaja daripada aspek fizikal tetapi juga dari segi kerohanian dan kejiwaan.³⁷

Daripada prinsip-prinsip dasar yang telah dijelaskan, dapatlah dibuat kesimpulan bahawa proses

37. Ghazali bin Basri, *op. cit.*, hlm.7.

pendidikan dalam Islam adalah bersifat menyeluruh merangkumi aspek-aspek aqidah, akhlah, kejiwaan, akhlak, emosi dan aspek fizikal. Ini bererti seluruh aspek kemanusiaan itu tidak diabaikan.

4. Matlamat Pendidikan Islam.

Matlamat terakhir pendidikan Islam ialah untuk melengkapkan setiap individu dengan pengetahuan Islam supaya ia dapat hidup sebagai seorang yang beriman, berakhlak tinggi, berpengetahuan dan beramal soleh. Pengetahuan itu juga dapat menyedarkan manusia tentang tugas utamanya sebagai khalifah dan tarafnya sebagai hamba Allah di muka bumi.³⁸

Sebagai kesimpulan 'Peranan Ulama' Dalam Bidang Pendidikan Islam di Negeri Kelantan: Suatu Kajian Khusus Di Antara Tahun 1940 Hingga 1990 bermaksud segala usaha, aktiviti dan sumbangan cendekiawan Muslim dalam membimbing, mengajar dan mendidik masyarakat di negeri Kelantan tentang Islam. Ianya difahami dan dihayati oleh masyarakat tersebut dalam jangka waktu yang telah dinyatakan.

38. Abdul Rahman Aroff dan Zakaria Kasa, *Falsafah dan Konsep Pendidikan*, Fajar Bakti Sdn. Bhd. Shah Alam, 1994, hlm. 58.

Secara amnya, tesis ini akan memperkatakan tentang tokoh ulama' yang berwibawa dalam jangka waktu yang telah ditentukan dari segi aspek-aspek keturunan dan keluarganya, latar belakang pendidikan agama, bidang-bidang keilmuan yang disumbangkan kepada masyarakat dan kesan sumbangan mereka kepada masyarakat.

Sebagai rumusan kepada permasalahan yang menjadi objek kajian adalah sebagai berikut:

- a) Bagaimanakah sistem pendidikan Islam di negeri Kelantan pada tahun 1940 hingga 1990 ?.
- b) Siapakah para ulama' yang menonjol di negeri Kelantan dalam jangka masa tersebut ?.
- c) Bagaimanakah peranan para ulama' dalam bidang pendidikan Islam ?.
- d) Apakah hasil daripada usaha-usaha ulama' itu dalam bidang pendidikan Islam di negeri Kelantan ?.

C. Tujuan Penyelidikan

1. Untuk mengkaji dan menilai peranan dan sumbangan para ulama' di dalam bidang pendidikan Islam di Kelantan antara tahun 1940 hingga 1990.

2. Untuk mengkaji dan menilai sejauh mana penerimaan dan tanggapan masyarakat Islam terhadap ulama' di kawasan kajian yang berkenaan
3. Untuk menilai kesan dan sumbangan ulama' di dalam membangunkan masyarakat di Kelantan khususnya dan di Semenanjung amnya.
4. Untuk mengenal pasti corak dan jenis pembawaan bagi ulama' yang berkenaan dan sekaligus mengenal pasti bekas pelajar mereka.

D. Metodologi Penyelidikan

Terdapat berbagai kaedah dalam kajian bidang sains sosial. Menurut Miller terdapat tujuh kaedah yang terdiri daripada tinjauan diskriptif (descriptive survey), tinjauan bersampel (sample survey), kajian lapangan (field studies), kajian kes (case studies), gabungan tinjauan dan kajian kes (combined survey and case study), kajian ramalan (prediction studies) dan ujian terkawal (controlled experiment). Pemilihan terhadap jenis kaedah kajian ini adalah bergantung kepada bagaimana permasalahan itu dikenal pasti, minat pengkaji dan objek yang ingin dikaji.³⁹

39. Miller, (Ed), *Hand Book of Research Design and Social Measurement*, Longmen, Inc. New York, 1983, hlm. 15

Kajian ini menggunakan kaedah **gabungan tinjauan dan kajian kes** (combined survey and case study approach). Pemilihan terhadap pendekatan tinjauan adalah kerana ianya bercorak⁴ pemerihalan (description), penjelasan (explanation) dan penyelidikan (exploration) keatas fenomena yang akan dikaji yang mana ianya adalah keperluan asas sesuatu kajian. Manakala pemilihan terhadap kajian kes adalah dibuat berasaskan kepada isu-isu tertentu yang melibatkan keseluruhan komuniti yang dikaji.

Untuk tujuan penyelidikan penulis telah mengadakan lawatan ke kawasan kajian sebanyak sembilan kali iaitu:

Lawatan Pertama

13-16 Jun, 1994. Lawatan ini sebagai lawatan awal untuk meninjau secara umum kawasan kajian. Tempat-tempat yang telah dilawati ialah Majlis Agama Islam Kelantan (MAIK) , Perbadanan Muzium Negeri Kelantan, Pusat Penerangan Pelancongan Negeri Kelantan, Rumah Ustaz Abdullah Al-Qari' di- Kampung Kenali, Kubang Krian, Kota Bharu, Pustaka Aman dan Pustaka Dian.

Lawatan Kedua

12hb. November hingga 14hb. November 1994. Lawatan kedua ini merupakan lawatan untuk mengumpul data-data bagi bab ke II iaitu di bawah topik 'Ulama' dan Institusi Pendidikan Islam di Negeri Kelantan'. Tempat-tempat yang dilawati ialah MAIK, YIK, Ustaz Abdullah al-Qari' dan menemubual responden-responden berikut:

- 1) Ustaz Muhamad bin Mahmood,
Penolong Pegawai Agama,
Bahagian Penerbitan.
Majlis Agama Islam Kelantan.
- 2) Raja Rohana Bt. Raja Salleh,
Penolong Setiausaha,
Majlis Agama Islam Kelantan.
- 3) Haji Mat Hussain bin Yussof,
Pengelola Peperiksaan,
Lembaga Peperiksaan,
Yayasan Islam Kelantan.
- 4) Cikgu Junaidi bin Hj. Abdullah,
Bahagian Teknologi Maklumat,
Yayasan Islam Kelantan.
- 5) Ustaz Abdullah al-Qari' bin Haji Salleh,
Pustaka ASA,
Kampung Kenali,
Kubang kerian,

Kota Bharu.

6) Puan Naimah Bt Hj. Ahmad

Pondok kenali,

Kubang Kerian,

Kota Bharu.

Beliau cucu kepada Tokoh Ulama' Tok Kenali

Penulis juga telah memperolehi bahan-bahan bercetak dari agensi-agensi berkenaan.

Lawatan Ke Tiga

31hb. Januari Hingga 4hb. Februari, 1995. Dalam lawatan kali ketiga ini penulis telah melawat pondok-pondok berikut:

1hb. Februari, 1995. Penulis telah membuat lawatan ke Pondok Geting di Jajahan Tumpat, Kelantan. Penulis telah menemubual beberapa orang responden.

1. Nik Abdul Rahman bin Nik Muhammad
Bekas Guru Pengasas Sekolah Arab Mehelihah.
2. Isteri Nik Abdul Rahman iaitu Nik Zainab binti Nik Abdullah tenaga pengajar kepada muslimat penghuni Pondok Geting.
3. Nik Ismail bin Hj. Nik Muhammad Guru Besar

Sekolah Menengah Agama Meheliah.

2hb. Februari, 1995. Melawat Pondok Lubuk Tapah Jajahan Pasir Mas. Telah ditemubual.

1. Haji Zakaria bin Muhammad Imam Besar Mukim Lubuk Tapah. Salah seorang penghuni Pondok Lubuk Tapah.
2. Ustaz Haji Hussin bin Ibrahim ADUN Negeri Kawasan Bukit Tuku. Tenaga pegajar di Pondok Lubuk Tapah.

3hb. Februari, 1995. Lawatan ke Pondok Pasir Tumbuh, Jajahan Kota Bharu. Responden yang ditemubual.

1. Haji Muhammad Suhaimi bin Hj. Ismail. Tenaga Pengajar di Pondok Pasir Tumbuh. Menantu kepada al- Marhum Tuan Guru Haji Mustapha.
2. Haji Abu Bakar bin Hj. Othman. Tenaga Pengajar di pondok ini. Menantu kepada Haji Mustapha. Timbalan Pengarah Tadbir Pondok.

Lawatan Ke Empat

5hb. April, 1995. Membuat Lawatan ke Pondok Sungai Durian, Jajahan Kuala Krai. Respondan yang ditemubual:

A51003/235

1. Haji Ahmad Syukri Bin Haji Abdul Rahman Mudir
Madrasah Pondok Sungai Durian.

8hb. April, 1995. Lawatan kedua ke Pondok ini dan menemubual.

1. Ustaz Ismail bin Yaakub (41 tahun) Tenaga pengajar di Pondok ini (bermula 1998) berasal dari Thailand.

9hb. April, 1995. Menemubual Imam Besar Masjid Negeri Kelantan. Ustaz Hj. Ismail Sayudina di pejabatnya di Bangunan Majlis Agama Islam Kelantan. Perbincangan ditumpukan kepada peranan Masjid Muhammadi sebagai salah sebuah Institusi Pendidikan Islam di Negeri Kelantan.

10hb. April, 1995. Lawatan ke Sekolah Ma'ahad Muhammadi Lelaki dan menemubual, beberapa orang guru yang terlibat dengan pengurusan dan pentadbiran sekolah.

1. Ustaz Nik Razi bin Nik Mat selaku Pemangku Pengetua
2. Ustaz Tajudin Mamat. Guru Penolong Kanan 2.
3. Che'gu Tarmizi bin Said. Guru Penyelaras Ko Karikulum

4. Che'gu Shafei bin Zakaria. Guru Penyelaras ko kurikulum
5. Ustaz Mustapha Haji Mohamed. Guru Kanan kepada setiap matapelajaran dan juga sebagai Ketua Panitia Matapelajaran.

13hb. April, 1995. Lawatan ke Ma'ahad Muhammadi Perempuan dan menemubual:

1. Ustaz Megat Abdullah Megat Yaman. Pemangku Pengetua.
2. Ustazah Mariam Bt. Omar. Guru Penolong Kanan (I).
3. Puan Shadiyah Bt. Hj. Muhammad. S/U. Kebajikan Dan Biasiswa Sekolah.

Lawatan Kelima

23hb. Mei, 1995. Melawat ke pusat Pengajian Pondok Yayasan Islam Kelantan. Kampong Telong, Kandis, Kelantan. 16310 Bachok, Kelantan.

1. Menemubual dengan Haji Wazir bin Hj. Che Awang, Pemangku Sheikh Pusat Pegajian Pondok.
2. Cikgu Zaid bin Mohammad Pendaftar PPP. YIK.
3. Ahmad bin Saud. Pembantu Tadbir. PPP. YIK.

24hb. Mei, 1995. Menemubual Ustaz Haji Abdul Wahab B. Awang dan Puan Nazirah Bt. Hj. Abdullah di alamat Lot: 1399 Jalan Sekolah Kebangsaan Bunut Payong. Kota Bharu. Tujuannya untuk mendapat maklumat mengenai tokoh Ulama' Haji Abdullah Tahir.

25hb. Mei, 1995. Menemubual Ustaz Haji Muhammad bin Hj. Yusuf. Beralamat di No: 383 Jalan Atas Banggol, Jalan Pantai Cahaya Bulan (PCB) Kota Bharu. Beliau salah seorang tokoh Ulama' yang dikaji oleh Penulis dan mewakili period 1980 hingga 1990.

27hb. Mei, 1995. Melawat dan menemubual Ustaz Haji Hassan Idris di Batu 2 Kg. Puteh, jalan Kuala Krai, Kota Bharu. Beliau merupakan tokoh Ulama' yang dikaji mewakili period 1970 hingga 1980.

Temubual dengan Haji Abdullah Yunus di Kampong Penambang Kota Bharu, Kelantan. Untuk mendapat maklumat mengenai Tokoh Ulama' Haji Muhammad Noor Bin Ibrahim mewakili period 1960 hingga 1970.

28hb. Mei, 1995. Menemubual Ustaz Abdullah al-Qari bin Haji Salleh, Pustaka ASA, Kubang Kerian, Kota Bharu. lawatan ini bertujuan untuk mendapat maklumat mengenai Dato' Haji Ahmad Maher, iaitu tokoh yang dikaji mewakili period 1950 hingga 1960.

30hb. Mei, 1995. Menemubual Ustaz Haji Abdul Rahman bin Hussin, Pegawai Dakwah Jabatan Agama Islam Kelantan bagi mendapat maklumat dan pandangan beliau tentang ketokohan Haji Muhammad bin Yusuf.

31hb. Mei, 1995. Menemubual Ustazah Salmah Hassan yang merupakan tokoh Pendidik Negeri Kelantan 1989 yang telah dianugerahkan oleh Yayasan Islam Kelantan.

3hb. Jun, 1995. Menemubual haji Muhammad Shukri Bin Dato' Haji Ahmad Maher (anak sulung kepada Haji Ahmad Maher) di alamat S 64/385- A Seri Maher, Bunut Payong Jalan Kuala Krai. Kota Bharu, Kelantan. Tujuannya bagi mendapat maklumat mengenai tokoh Haji Ahmad Maher.

Lawatan Ke Enam

Ke Negeri Kedah 29hb. November hingga 1hb. Disember 1996. Lawatan ini bertujuan untuk menemubual Tuan Haji Yahya bin Jones pengasas dan Pengetua Sekolah Agama Padang Lumat. Beliau bekas pelajar kepada Tokoh Ulama' yang dikaji iaitu Tuan Haji Abdullah Tahir, Tuan Haji Ahmad Maher dan Tuan Guru Haji Muhammad Noor Bin Ibrahim.

Lawatan Ke Tujuh

Ke Negeri Kelantan 2hb. Disember hingga 9hb. Disember, 1996.

3hb. Disember, 1996. Ke MAIK berjumpa dengan Ustaz Muhammad bin Mahmood Bahagian Penerbitan MAIK sebagai 'Key Responden.

4hb. Disember, 1996. Ke Pejabat Mufti Negeri Kelantan Kompleks Islam Lundang, Kota Bharu, Kelantan menemubual Timbalan Mufti Negeri Kelantan iaitu Dato' Haji Muhammad Shukri Bin Muhammad. Bagi mendapat maklumat mengenai Tokoh Ulama' Ustaz Haji Hassan Bin Idris. Beliau adalah bekas pelajar Ulama' tersebut.

5hb. Disember, 1996. Ke Akademi Pengajian Islam Nilam Puri, mencari bahan-bahan rujukan di perpustakaan dan menemubual Ustaz Haji Hassan bin Mat Leh, Mudir Ma'ahad Dakwah Wa al-Imamah untuk mendapat maklumat mengenai latar belakang penubuhan Yayasan pengajian Tinggi Islam Kelantan (YPTIK).

7hb. Disember, 1996. Ke Perpustakaan Islam negeri Kelantan di Bangunan Lama MAIK.

8hb. Disember, 1996. Ke MAIK berjumpa 'Key

Responden dan mendapat bahan-bahan bercetak dari MAIK.

9hb. Disember, 1996 Ke Kuala Lumpur

Lawatan Ke Lapan

3hb. Jun hingga 5hb. Jun 1997. Lawatan kali ini untuk mendapat bahan-bahan dokumentasi yang berhubungkait dengan kehidupan Ulama'-Ulama' yang dikaji termasuklah bahan-bahan daripada fail di Pejabat Mufti, di MAIK dan JAIK.

Lawatan Ke Sembilan

26hb. Jun, hingga 28hb. Jun 1997. Mengunjungi pameran yang dianjurkan oleh MAIK bagi mendapatkan bahan-bahan yang ada kaitan dengan bidang penyelidikan.

E. Proses Penyelidikan

Perancangan awal perlu dibuat sebelum sesuatu penyelidikan itu dilakukan. Bagi memulakan proses penyelidikan, beberapa langkah perlu dibuat secara berperingkat telah dikenal pasti. Bagi penyelidikan ini ia dibahagikan kepada empat peringkat iaitu:

Peringkat I : Penelitian kajian lepas (Review of Literature)

Peringkat II : Pengumpulan data (Data Collection)

Peringkat III : Analisis data (Data analysis)

Peringkat IV : Penemuan dan kesimpulan (Finding and
; Conclusion)

Peringkat I

Penelitian Kajian Lepas (Review of Literature) di peringkat permulaan penelitian terhadap kajian-kajian lepas dilakukan secara intensif bagi mengenal pasti tumpuan bidang kajian secara kasar, memahami permasalahan memilih tajuk dan merangka tujuan serta objektif kajian.

Peringkat II

Pengumpulan Data (Data Collection) berasaskan kepada tajuk kajian, konteks kajian dan objektif yang telah digaris, peringkat seterusnya ialah mengenal pasti bahan-bahan berkaitan dengan kajian yang perlu dikumpul. Data-data yang akan dikumpul meliputi data primer dan sekunder.

Secara umumnya, teknik pengumpulan data dalam kajian ini boleh dibahagikan kepada beberapa cara:

1. Temubual secara formal dan personal. Di antara

pihak yang ditemubual ialah pegawai-pegawai di Yayasan Islam Kelantan, Majlis Agama Islam Kelantan, pegawai-pegawai di Institusi Pendidikan seperti sekolah pondok dan masjid. Penulis juga menemubual tokoh-tokoh ulama' yang dikaji serta individu-individu yang mengenali beliau dan bekas pelajar.

2. Temubual tidak formal. Temubual ini selalunya tidak dirancang dan secara bersahaja antara penyelidik dan para individu yang ditemui di kawasan kajian.
3. Melibatkan diri atau menghadiri majlis rasmi dan tidak rasmi.
4. Pemerhatian. Teknik pemerhatian ini dilakukan bagi melihat sendiri akan aktiviti kehidupan masyarakat setempat dan keadaan fizikal kawasan kajian.

Dalam proses pengumpulan data sekunder pula ianya dilakukan serentak dengan temubual secara formal dengan berbagai pihak. Bahan-bahan bercetak diperolehi daripada beberapa agensi kerajaan seperti perpustakaan, Perbadanan Muzium Negeri Kelantan, Majlis Agama Islam Kelantan, Pejabat Mufti Negeri Kelantan, Yayasan Islam Kelantan, Jabatan Ukur Negeri Kelantan, Jabatan Pendidikan Negeri Kelantan juga daripada individu-

individu tertentu. Selain daripada itu pengkaji juga meneliti bahan-bahan daripada jurnal seperti majalah Pengasuh, akhbar-akhbar, makalah dan lain-lain bahan bercetak.

Peringkat III

Analisis Data (Data Analisis) Analisis di peringkat ini dilakukan setelah segala proses pengumpulan data selesai dilakukan. Rakaman temubual yang dijalankan dicatatkan semula dan catatan ini kemudiannya diolah bagi mendapatkan fakta-fakta yang relevan dengan bidang kajian ini.

Peringkat IV

Penemuan dan kesimpulan (Finding and Conclusion) peringkat ini adalah merupakan peringkat terakhir dalam kajian ini. Penemuan daripada kajian ini akan menjadi asas kepada pembentukan beberapa cadangan yang akan dikemukakan. Kesimpulan daripada kajian ini merupakan penutup kepada keseluruhan kajian.

F. Sistematika Penulisan .

Tesis ini akan dibahagikan kepada enam bab. Isinya seperti berikut:

Bab I

Bab ini merupakan pendahuluan kepada disertasi ini. Ia mengemukakan proposal kepada kajian yang dijalankan mengandungi latar belakang kawasan kajian, pengertian judul dan perumusan masalah. Ia juga mengemukakan objektif kajian, metodologi penyelidikan, proses penyelidikan, sistematika penulisan, schedule progres penyelidikan serta maklumat berkala ke kawasan kajian oleh penyelidik.

Bab II

Bab ini akan menghuraikan mengenai latarbelakang Negeri Kelantan, sejarah Kesultanan Negeri Kelantan, kedatangan Islam ke Negeri Kelantan, pondok sebagai institusi pendidikan Islam tradisional di Negeri Kelantan serta para ulama' perintis Negeri Kelantan.

Bab III

Bahagian ini membincangkan tentang pengertian-pengertian dan konsep pendidikan Islam, matlamat pendidikan Islam serta perkembangan institusi-institusi pendidikan Islam di negeri Kelantan.

Bab IV

Memperkenalkan para ulama' yang berwibawa di Negeri Kelantan, latarbelakang serta pendidikan yang mereka terima dan aktiviti-aktiviti mereka dalam pendidikan Islam.

Bab V

Mengenal pasti corak dan jenis pembawaan para ulama' berkenaan serta menilai kesan dan sumbangan mereka kepada masyarakat setempat, mengenalpasti bekas-bekas pelajar mereka.

Bab VI

Bahagian ini sebagai bab terakhir dan penutup. Ia akan mengandungi kesimpulan kepada keseluruhan perbincangan serta saranan-saranan daripada penulis.

G. Jangkamasa Penyelidikan

Proses penyelidikan dan penyiapan tesis ini memakan masa empat tahun. Pengumpulan bahan 1 tahun 6 bulan, analisa dan penyusunan data 1 tahun 6 bulan, merangka dan menulis tesis 6 bulan dan semakan dan pembetulan 6 bulan

JADUAL KERJA PENYELIDIKAN MENGIKUT TAHUN

Jadual 1

Gerak Kerja 1994

Program Kerja 1994	Jan	Feb	Mar	Apr	May	June	July	Aug	Sep	Oct	Nov	Dec
Rujukan asas	████████████████████											
Lawatan awal (1)					████████							
Pengumpulan bahan	████████████████████											
soalselidik				██████████	██████████							
Kerja lapangan					██████████	██████████	██████████					
Analisis data					██████████	██████████	██████████					
Pembetulan								██████████	██████████	██████████		
Lawatan (2)											████████	████████
Annalisis Data											██████████	██████████

Jadual 4

Gerak Kerja 1997

Program Kerja 1997	Jan	Feb	Mar	Apr	May	June	July	Aug	Sep	Oct	Nov	Dec
Analisis Data	█											
Lawatan (8 & 9)						█						
Analisis Data								█				
Semakan										█		

Jadual 5

Gerak Kerja 1998

Program Kerja 1998	Jan	Feb	Mar	Apr	May	June	July	Aug	Sep	Oct	Nov	Dec
Analisis Data	█											
Semakan Akhir		█										